

Cekup Mahkota Coklat
Chesnut-crowned Warbler

FAMILI: Sylviidae
NAMA SAINTIFIK: *Seicercus castaniceps*

CIRI-CIRI

Mempunyai bahagian mahkota atas kepala yang berwarna kuning langsung kemerahan di mana terdapat jalur pada bahagian sisinya. Pada bahagian bawah paruh terdapat tompokan yang pudar dan tiada tompokan kuning pada bahagian atas tongkeng.

SAIZ

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 9 hingga 10.5 sm.

MAKANAN

Serangga kecil dan juga labah-labah. Adakalanya spesies ini memakan buah yang bersaiz kecil seperti buah beri, bijian dan juga madu bunga.

HABITAT

Kawasan hutan dipterokap pada ketinggian 1,000 hingga 2,500 m dari aras laut. Di Semenanjung Malaysia, spesies ini boleh dijumpai di kawasan berketinggian kurang dari 825 m dari aras laut.

BUNYI

Bunyi yang halus dan tinggi *wi si'si'si- si'si'si'* di mana bunyi *si* adalah lebih tinggi. Bunyi yang dikeluarkan termasuklah bunyi *chit* yang lembut.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.